

2018 JAKARTA-PALEMBANG
ASIAN GAMES FUN RUNFOLLOW US ON
ASIAN Games Fun Run
ASIAN Games Fun RunFUN RUN (C)
5KM

MASIH ADA PELUANG

SEBAHAGIAN peserta yang menyertai acara larian sempena Sukan Asia Indonesia-Palembang di Dataran Merdeka, semalam.

MOM sahkan kemungkinan dapat satu atau dua kuota tambahan Sukan Komanwel

Aida Adilah Mat

aida_adilah@NSTP.com.my

Kuala Lumpur

Masih ada harapan buat beberapa lagi atlet negara untuk beraksi di temasya Sukan Komanwel Gold Coast, April ini apabila Majlis Olimpik Malaysia (MOM) mengesahkan kemungkinan bakal mendapat sama ada satu atau dua lagi kuota tambahan.

Perkara itu dimaklumkan Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Low Beng Choo se- lepas MOM mengemukakan rayuan kepada Persekutuan Sukan Komanwel.

Justeru, bukan hanya pelari pecut wanita negara, Zaidatul Husniah Zulkifli malah atlet yang mengemukakan rayuan seperti dari sukan menembak, pingpong dan triathlon turut mempunyai peluang sama.

Bagaimanapun, keputusan hanya akan dibuat Selasa ini selepas Lembaga Eksekutif MOM bermesyuarat.

"Senarai atlet ke Komanwel akan dimuktamadkan Selasa ini. Saya harap semua atlet bersabar."

"Memang sukar untuk membuat pilihan apabila pengajur mengemukakan

kuota atlet, kerana kita juga perlu memberi peluang kepada atlet muda sebagai persediaan masa depan. Bukan hanya Komanwel tapi untuk temasya lain seperti Sukan Asia dan Sukan SEA," katanya yang ditemui pada acara larian sempena Sukan Asia Indonesia-Palembang yang berlangsung di Dataran Merdeka semalam.

Acara larian yang di-anjurkan untuk memupuk kesedaran dan memaklumkan kepada orang awam bahawa temasya Sukan Asia akan berlangsung Ogos ini berjaya menarik penyertaan 1,600 peserta membabitkan tiga kategori iaitu Lelaki dan Wanita terbuka sejauh 10 kilometer (km) selain Fun Run 5km.

Kategori lelaki terbuka menyaksikan Rohit Rhaarje Singh muncul juara dengan catatan 40 minit 53 saat manakala Nurhidayah Hasandan menjuarai kategori wanita 54:06s.

Turut hadir memeriahkan acara berkenaan adalah Setiausaha Agung Majlis Olimpik Indonesia, Hellen Sarita de Lima serta Presiden MOM Tunku Imran Tuanku Ja'afar dan legenda olahraga, Tan Sri Dr M Jegathesan.

ZAIIDATUL
Husniah Zulkifli
antara atlet yang
mengemukakan
rayuan.

